

13/10/1999

Reaksi berbeza terhadap syor kurangkan tempoh pengecualian cukai

Wan Jailani Razak

CADANGAN supaya kerajaan mengurangkan tempoh penginapan minimum bagi pelancong di Langkawi untuk menikmati pengecualian cukai barangan kepada 24 jam berbanding 48 jam sekarang, mendapat pelbagai reaksi.

Ada peniaga menyokong dengan alasan kebanyakan pembeli di pulau itu pelancong domestik. Jadi, faedah daripada kelonggaran tempoh penginapan minimum juga untuk mereka. Keadaan itu disifatkan berbeza dengan sikap pelancong asing yang lebih cenderung untuk melancong dan menghabiskan masa di pantai.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Kedai Bebas Cukai Langkawi, Arshad Desa, ketika mengemukakan syor itu pula berpendapat tempoh penginapan minimum itu wajar dilonggarkan selaras keistimewaan yang diberikan kerajaan kepada Labuan.

Katanya, jika pelawat di Labuan diberi tempoh penginapan minimum 24 jam, Langkawi juga wajar dipertimbangkan untuk diberi keistimewaan yang sama kerana kedua-dua pulau itu diiktiraf sebagai pulau bebas cukai.

Selepas 1 Oktober 1998, pelancong yang ingin menikmati kemudahan itu disyaratkan menginap di pulau bebas cukai itu sekurang-kurangnya dua hari atau 48 jam berbanding tiga hari atau 72 jam sebelum itu.

Arshad yang juga Timbalan Pengerusi Persatuan Pelancongan Langkawi berkata, cadangan itu juga mengambil kira langkah kerajaan yang kini mengadakan karnival barangan bebas cukai di seluruh negara.

Walau apapun alasan menyokong, ada di kalangan penduduk kurang senang dengan cadangan itu, sebaliknya mahu tempoh penginapan minimum 48 jam dikekalkan kerana berpendapat Langkawi tidak akan lagi mempunyai apa-apa keistimewaan jika syarat tempoh penginapan dikurangkan.

Mereka berpendapat, suatu hari nanti, orang ramai tidak lagi perlu datang ke sini untuk mendapat keistimewaan membeli barang bebas cukai kerana mereka tidak lagi perlu bermalam. Tidak perlu untuk datang, pos sudah.

Ini bermakna, industri hiliran di Langkawi seperti sektor perhotelan dan pengangkutan akan mengalami kerugian kerana pelancong tidak perlu tinggal lebih lama untuk membawa keluar barangan bebas cukai.

Apapun keputusan kerajaan menerusi Belanjawan yang akan dibentangkan kelak, penduduk Langkawi perlu menerimanya dengan hati terbuka. Terserah kepada kebijaksanaan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin.

Mengimbas kembali kata-kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditemui pemberita di Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi (Lisram) pada 9 Ogos tahun lalu, beliau pernah menjelaskan kerajaan tidak akan memendekkan lagi tempoh mendapat keistimewaan pengecualian cukai bagi pengunjung ke pulau itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memerlukan pendapatan dan jika tempoh itu dikurangkan, sudah pasti ada pihak mahunya dikurangkan lagi.

"Kerajaan nak duit juga. Kita dah kurang tetapi tiap-tiap kali kurang nak kurang juga. Lama-lama tak payah datang pun dapat juga (barangan bebas cukai).

"Sekiranya diberikan 48 jam, nak 24 jam, bagi 24 jam nak 12 jam, lepas itu nak 6 jam dan selepas 6 jam tak payah datang pun boleh beli... kedai di daratan (tanah besar) tutup semua," katanya sinis.

Peniaga perlu diingatkan sebelum diisytiharkan pulau bebas cukai pada 1987, Langkawi di antara daerah di Kedah yang mundur dan dianggap tempat yang tidak mempunyai apa-apa.

Bagaimanapun, hasil daya usaha Dr Mahathir untuk membebaskannya daripada belunggu `sumpahan Mahsuri' dengan menjadikan pulau bebas cukai dalam tempoh yang singkat, Langkawi membangun pesat dan kini menjadi kunjungan jutaan pelancong dari dalam dan luar negara.

(END)